



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

AMANAT

YBRS. TPr Gs DR. SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN

KETUA PENGARAH PLANMalaysia

DI

MESYUARAT PENGURUS PROJEK,

PLANMALAYSIA

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)

BIL. 1/2021

Tarikh : 23 – 24 Ogos 2021 (Isnin dan Selasa)

Masa : 9.00 pagi – 6.00 petang

Platform: Secara Atas Talian (Cisco Webex)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

**Yang Berbahagia Datuk TPr Mohd. Faidzal bin Hamzah
Timbalan Ketua Pengarah Perancangan PLANMalaysia;**

**Yang Berusaha TPr Jasmiah binti Ismail
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia;**

**Pengarah Negeri, Pengarah Bahagian, Pengarah Pejabat Projek,
Pengurus Projek, Ketua Unit dan semua ahli mesyuarat yang
saya hormati sekalian.**

UCAPAN ALUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir dalam Mesyuarat Pengurus Projek PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) Bil. 1/2021 yang diadakan secara atas talian sepenuhnya pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada YBhg. Datuk TPr Mohd Faidzal bin Hamzah selaku Timbalan Ketua Pengarah Perancangan bermula pada 15 Mac 2021 dan kepada TPr Jasmiah binti Ismail yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan pada 19 Julai 2021. Diharapkan melalui kepimpinan kedua-dua pegawai kanan saya ini, budaya kecemerlangan dalam penyediaan kajian/program/projek Jabatan dapat diteruskan selaras dengan kehendak perancangan serta perkembangan teknologi semasa.
3. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pegawai-pegawai PLANMalaysia yang telah bersara wajib pada tahun ini iaitu :-

BIL.	NAMA	TARIKH BERSARA
1.	TPr Norasiah Bee binti Mohd Haniff Timbalan Ketua Pengarah Perancangan	23 Februari 2021
2.	TPr Harizah binti Dato' Hassan Pengarah PLANMalaysia@Pahang	10 Februari 2021
3.	TPr Aminariff bin Husin Pengarah Pejabat Projek Zon Timur	21 Mac 2021
4.	Datuk Robi binti Desa Pengarah PLANMalaysia@Penang	30 Mei 2021
5.	En. Khairolazar bin Kamarulzaman Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	1 Jun 2021

BIL.	NAMA	TARIKH BERSARA
6.	Dato' TPr Dr. Zainah binti Ibrahim Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan	6 Julai 2021
7.	En. Wan Fauzi bin Wan Husin Timbalan Setiausaha, Bahagian Perbandaran Dan Khidmat Teknikal, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	21 Julai 2021

4. Setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan kesemuanya sepanjang perkhidmatan di PLANMalaysia. Segala khidmat bakti, sumbangan dan kerjasama yang diberikan akan sentiasa dikenang.
5. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat bagi Pengurus Projek dari Gred J48 dan J52 kepada Gred J52 dan J54 iaitu:

BIL.	NAMA	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BARU
1.	En. Shahidi bin Yusop	PPZU	BRFN
2.	En. Nor Mazlan bin Mohd Yunus	Institut Latihan KPKT	BPKSP
3.	TPr Suzlyna binti Abdul Latib	PLANMalaysia@S elangor	BPP
4.	En. Peter Valentine Amandus Jr.	BMGN	PPZU
5.	Pn. Amilia binti Muhamad Nor	IRDA	PPZU

BIL.	NAMA	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BARU
6.	En. Wan Andery bin Wan Mahmood	BRFN	BMGN

6. Tahniah dan syabas di atas kenaikan pangkat, dan saya berharap semoga pegawai-pegawai ini akan terus memberikan khidmat yang cemerlang dan berintegriti dalam menguruskan projek-projek yang telah diamanahkan.

NORMAL BAHARU : MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL / PENDIGITALAN DALAM PENGHASILAN PRODUK JABATAN

7. Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap kehidupan dan amalan seharian kita dalam mengadaptasi dan memaknakan “*New Normal* atau Norma Baharu” terutamanya melalui aspek pendigitalan bagi memperkasakan perkhidmatan awam berpaksikan rakyat. Justeru, kita sebagai penjawat awam haruslah memastikan pandemik ini tidak menjadi satu halangan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik secara berterusan.

8. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua Pengarah Negeri, Pengarah Bahagian/ Pejabat Projek dan Pengurus Projek untuk lebih peka, proaktif dan berinovasi dengan menggunakan teknologi dalam menjalani kebiasaan baharu ini seiring **Dasar Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)** terutama untuk meningkatkan usaha menguasai teknologi digital.
9. Melalui tren perkhidmatan pendigitalan sektor awam ini, saya menyeru Pengarah dan semua Pengurus Projek untuk menyahut cabaran industri digital terutamanya melibatkan penggunaan *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)*, *Cloud Computing* menjadi keutamaan dan sentiasa digunakan bagi membantu melaksanakan tugas dan kajian-kajian Jabatan.
10. Untuk itu, saya juga telah mengarahkan supaya **penyediaan Rancangan Pemajuan mengambilkira Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA)** sebagai platform menambahbaik perancangan infrastruktur komunikasi digital negara di bawah RMKe-12 di mana **kemudahan internet kini telah diangkat sebagai utiliti awam.**

11. Seiring dengan perkembangan teknologi juga, **Unit *Malaysia Urban Observatory* (MUO)** ditubuhkan bagi membangunkan platform data raya bandar (*urban big data*) di peringkat nasional bagi membentuk sistem pengurusan data bandar yang komprehensif dan inklusif seterusnya bagi menyokong agenda pelaksanaan ***Smart City***.

12. Jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM28.7juta sepanjang tempoh RMKe-12** untuk membangunkan Sistem MUO (Fasa 1) ini. Melalui pelaksanaan MUO yang telah pun bermula pada tahun ini dan **Mesyuarat *Kick-Off* pada 20 Ogos 2021** yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha KPKT, saya berharap Jabatan akan terus menjadi peneraju dalam perkongsian data antara agensi. Yang pasti, pelaksanaan MUO ini akan **menyokong inisiatif analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA)** untuk meningkatkan keupayaan kerajaan dalam membuat keputusan berasaskan fakta dan data.

MEMASTIKAN PRODUK JABATAN TERUS KEKAL RELEVAN

13. Cabaran yang dihadapi bagi pelaksanaan kajian PLANMalaysia pada masa kini adalah jauh lebih kompleks dalam memenuhi aspirasi kerajaan. Justeru, saya menggesa semua Pengarah memastikan aspirasi *stakeholders* Jabatan dicapai melalui **solusi yang lebih kreatif, inovatif dan praktikal** bagi memastikan semua kajian/ projek/ produk Jabatan memenuhi ekspektasi semua pihak berkepentingan. Perhatian dan penekanan khusus perlu diberikan dalam menghasilkan **rancangan pemajuan yang bersifat inklusif, berdaya laksana dan *adaptive*** serta menepati kehendak semua *stakeholders* kita.

14. Saya berharap agar penyediaan dokumen rancangan pemajuan dan kajian perlu lebih peka kepada dasar-dasar utama antaranya **Wawasan Kemakmuran Bersama, Dasar Pengangkutan Negara, *National Low Carbon Cities Masterplan* (NLCCM), Dasar Komuniti Negara, Dasar Kebun Komuniti Bandar, Dasar Perhutanan Malaysia, dan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0** untuk diterjemahkan di dalam penghasilan kajian.

15. Selain itu juga, penerapan **konsep-konsep pembangunan terkini** yang meliputi aspek **pengurusan risiko, *smart city*, *digital economy*, *circular economy*** dan konsep baharu pembangunan seperti ***ecowaste park*, *managed industrial park*, *low carbon city*** dan lain-lain juga perlu dirangkumkan di dalam kajian Jabatan.
16. Oleh yang demikian, semasa penyediaan terma rujukan, Pengarah dan Pejabat Projek perlu **memperincikan skop kajian dengan lebih jelas serta mengambilkira kehendak *stakeholders*** bagi memastikan kajian yang dijalankan memenuhi keperluan dan kekal relevan dan berdaya laksana. Melalui usaha yang berterusan ini, hasrat memartabat dan meningkatkan prestasi Jabatan ke satu aras yang lebih tinggi akan dapat dicapai. Insyaallah.

PENGURUSAN PROJEK YANG EFEKTIF

17. Saya berharap semua Pengurus Projek berusaha memastikan **kualiti laporan yang disediakan oleh perunding adalah yang terbaik dan berdaya laksana** kerana hasil laporan tersebut melambangkan produk dan nama Jabatan.

18. Pengarah dan Pengurus Projek juga disaran untuk membuat “***critical path analysis***” bagi memastikan projek yang dilaksanakan dapat **disiapkan dalam tempoh yang dirancang bagi mengelakkan EOT**. Ini adalah kerana EOT mempunyai implikasi kewangan terutamanya bagi projek yang membabitkan sambungan pembayaran.

PRESTASI FIZIKAL DAN PERBELANJAAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN P43

19. Seperti mana yang semua ahli mesyuarat sedia maklum, Jabatan telah diberi peruntukan pembangunan P43 sebanyak RM25,800,000 untuk 33 projek pada tahun ini. **Prestasi perbelanjaan Jabatan** (sehingga 20 Ogos 2021) adalah **36.05%** iaitu dengan perbelanjaan sebanyak **RM8,840,490.98**. Jabatan mempunyai baki peruntukan sebanyak **RM15,681,929.02** iaitu **63.95%** yang perlu dibelanjakan dalam tempoh masa **dua (2) bulan** sebelum tarikh penutupan akaun pada **31 Oktober 2021**.
20. Jabatan juga telah membuat **tiga (3) kali serahan** peruntukan pembangunan (P43) berjumlah sebanyak **RM2,111,580.00** di mana serahan terakhir adalah pada **5 Ogos 2021**.

21. Ingin saya ingatkan di sini juga, agar semua Pengarah dan Pengurus Projek **bertindak lebih efisien dan cekap bagi mengelakkan kelewatan**. Cabaran yang dihadapi akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) harus ditangani sebaik mungkin untuk memastikan pelaksanaan projek adalah mengikut jadual.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING

22. Berdasarkan **pindaan Pekeliling Perolehan Kerajaan (PK) 3.9 Pemantauan dan Penilaian Prestasi Perunding pada 1 April 2021**, prestasi perunding hendaklah **dikemukakan dan direkod serta disahkan dalam Sistem MyGPIS sebagai bukti** ia telah direkodkan dan disertakan bersama permohonan tuntutan bayaran bagi setiap kemajuan kerja dan merupakan dokumen wajib bagi membolehkan bayaran kemajuan dibuat. Penilaian Prestasi Perunding yang dibuat oleh pengurus projek hendaklah **mencerminkan prestasi sebenarnya perunding**.
23. Untuk itu, saya juga telah mencadangkan supaya perunding yang telah menjalankan kajian bersama PLANMalaysia untuk membuat **penilaian terhadap pengurusan kajian yang dipanggil 360° Performance Appraisal**.

24. Penilaian ini merupakan **usaha Jabatan untuk mempertingkatkan dan menambahbaik mutu pengurusan dan kompetensi** pasukan kajian dengan perunding di dalam menjalankan kajian.

SESI PEMERIKSAAN BAJET 2022 : CADANGAN SENARAI PROJEK *ROLLING PLAN* KEDUA (RP2) TAHUN 2022

25. Bagi tahun 2022, **14 cadangan projek sedia ada baharu (sambungan) dengan kos siling sebanyak RM17.05 juta dan 19 cadangan projek baharu dengan kos siling sebanyak RM9.3 juta (jumlah keseluruhannya RM26.35 juta)** telah dibentangkan dalam sesi pemeriksaan bajet bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU,JPM) pada 19 Mei 2021.

26. EPU turut memaklumkan pemilihan cadangan projek baharu bagi tahun 2022 adalah **berdasarkan keutamaan dan berkepentingan tinggi atau kritikal** untuk ianya dilaksanakan di dalam masa yang terdekat.

27. Namun begitu, senarai projek RP2 Tahun 2022 RMKe-12 akan dimuktamadkan selepas Sesi Pembentangan Bajet 2022 di Parlimen yang dijangkakan pada akhir Oktober 2021.

AGENDA MESYUARAT : PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

28. Sepanjang dua (2) hari Mesyuarat Pengurus Projek ini, saya telah mencadangkan kepada urusetia supaya Pengurus Projek diberi pendedahan untuk meningkatkan kemahiran dalam pembentangan dan pengucapan selain untuk pemantapan pengurusan projek selaras dengan hasrat jabatan "*Train You To Become A Great Project Manager*".
29. **Tiga (3) sesi perkongsian ilmu dan dua (2) kertas kerja** akan dibentang dan dibincangkan iaitu:-
- i. Sesi Perkongsian Ilmu *Soft Skill (Presentation/ Negotiation)*;**
 - ii. Sesi Perkongsian Ilmu Pengurusan Projek (*Critical Path Method*);**
 - iii. *Way Forward / Format Baharu Rancangan Tempatan (Penggantian)*; dan**
 - iv. Kertas Kerja bertajuk *Malaysia Urban Observatory*; dan**
 - v. Kertas Kerja bertajuk *Penerapan Bandar Pintar Di Dalam Rancangan Pemajuan*.**

ANUGERAH PENGURUS PROJEK TERBAIK TAHUN 2020

30. Untuk makluman semua, julung kali diadakan pada mesyuarat pengurus projek tahun ini adalah **Anugerah Pengurus Projek Terbaik Tahun 2020** yang diilhamkan untuk memberi **suntikan semangat dan aspirasi kepada para pengurus projek yang lain untuk memberikan khidmat yang terbaik** dalam pengurusan sesuatu projek Jabatan.
31. Bagi memastikan pemilihan pengurus projek adalah yang terbaik, beberapa kriteria telah diwujudkan oleh pihak urus setia bagi menyaring pemenang anugerah pada kali ini antaranya seperti **Penilaian oleh Pengurusan Tertinggi dan Pengarah Bahagian, Penilaian Prestasi Kemajuan Fizikal Projek (SPP II), Pengurusan Kewangan P43 dan B43 yang cemerlang, 360° Performance Appraisal** di kalangan **Pengurus Projek dan Perunding, Tahun Pengalaman Selaku Pengurus Projek serta Penilaian Prestasi LNPT.**

32. Justeru, saya berharap dengan penganugerahan yang diadakan pada kali ini dapat **menyuntik semangat dan iltizam semua pengurus-pengurus projek untuk melaksanakan projek dengan lebih cemerlang** di masa akan datang.

PENUTUP

33. Bagi menghayati semangat Bulan Kemerdekaan Negara yang masih mengekalkan tema sambutan iaitu “**Malaysia Prihatin**”, saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke- 64**. Saya suka untuk mengingatkan diri saya dan kita semua sebagai penjawat awam supaya menanam sifat prihatin dan bersedia untuk menggalas tanggungjawab dan tugas seharian dengan menerapkan rasa cinta dan sentiasa bersedia untuk berkorban masa dan tenaga kita demi negara.

34. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai khususnya Pengurus-Pengurus Projek **yang sentiasa berusaha memastikan projek Jabatan dilaksanakan dengan jayanya, mengikut tempoh kajian yang ditetapkan dan pengurusan kewangan yang berhemah.**

35. Saya juga berharap kepada semua yang hadir pada hari ini dan esok dapat mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya supaya kajian Rancangan Pemajuan dan produk-produk lain jabatan dihasilkan dengan lebih komprehensif dan strategik agar terus menjadi nadi kepada usaha pembangunan negara dan menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda.
36. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pegawai dari Unit Penyelarasan Projek yang telah membuat persediaan dan persiapan bagi mesyuarat kali ini.

Saya akhiri ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Teks disediakan oleh:

Unit Penyelarasan Projek

Ogos 2021